

*Tarikh Dibaca: 23 MAC 2018M / 05 REJAB 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“PESANAN BUAT SUAMI”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)  
**Timbalan Pengarah (Operasi),  
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)  
**Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
7. **Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)  
**Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)  
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## "PESANAN BUAT SUAMI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: إِنَّ رَجُلًا قَوَّمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ  
اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ...<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيُّكُمْ  
وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian, marilah kita tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan didunia dan diakhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**PESANAN BUAT SUAMI**".

<sup>1</sup> Al-Nisa' : 34



## Muslimin yang dikasihi Allah SWT,

Islam mengangkat suami sebagai ketua keluarga kerana fungsi dan tanggungjawabnya yang besar untuk memimpin mereka hingga ke syurga. Mereka dijanjikan ganjaran yang besar daripada Allah SWT sebagaimana maksud firman Allah yang dibacakan di awal khutbah ini:

*"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka".*

Rasulullah SAW merupakan model terbaik bagi para suami dalam memimpin bahera rumah tangga. Malah, Rasulullah SAW sendiri menyifatkan dirinya sebagai orang yang paling baik terhadap kaum keluarganya. Hadis daripada Saidatina A'isyah Radiallahu Anha bahawa Nabi SAW bersabda:

**خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي**

*"Sebaik-baik kamu ialah orang yang baik terhadap kaum keluarganya dan aku adalah sebaik-baik orang terhadap keluargaku".*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

## Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Suami adalah imam (ketua) yang bertanggungjawab untuk memimpin keluarga ke mercu kejayaan. Kejayaan suami hanya terbukti apabila dapat menjalankan tanggungjawabnya dalam mendidik isteri dan anak-anaknya kearah yang diredhai oleh Allah. Firman Allah dalam surah al-Tahrim ayat 6:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا  
النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ...

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berhala)...".

Dewasa ini, terdapat segelintir individu yang bergelar suami yang baik terhadap rakan dan sahabat-handainya tetapi zalim dan buruk akhlaknya terhadap kaum keluarganya sendiri. Isu keganasan keluarga ini sering menjadi isu hangat yang diperkatakan dalam masyarakat dan mendapat tempat di kebanyakan media cetak dan sosial. Ada suami yang melakukan penderaan terhadap isterinya secara fizikal dan mental misalnya memukul isteri, menumbuk dan sebagainya yang membuatkan isteri terlalu tertekan dan hilang pertimbangan diri serta melakukan perkara yang diluar kewajaran akal mereka. Tindakan ini amat dilarang oleh Islam sebagaimana sabda Nabi SAW melalui hadis daripada Muawiyah al-Qusyairi Radiallahu Anhu :

وَلَا تَضْرِبُوهُنَّ، وَلَا تُقْبِحُوهُنَّ

"Dan janganlah kamu memukul para isteri dan janganlah menghina mereka".

(Riwayat Abu Daud).

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Terdapat juga suami menghilangkan diri tanpa khabar berita ibarat gantung tidak bertali sebagai satu penganiayaan dan penderaan emosi terhadap isteri. Demikian juga terdapat suami yang memiliki sifat panas baran sering memaki hamun, mengancam, mengugut, mengurung,



memaksa dan menghina isteri. Penderaan emosi ini boleh menyebabkan isteri mengalami tekanan perasaan dan menderita. Apa yang membimbangkan kita ialah isteri akan mengalami trauma selain berkemungkinan menghadapi masalah psikologi akibat tekanan perasaan.

### **Tetamu Allah sekalian,**

Ada suami yang gagal menyediakan nafkah terhadap isteri dan keluarganya. Gagal menyediakan dan melaksanakan tanggungjawab asas iaitu memberi nafkah berupa makanan, pakaian, tempat tinggal dan segala keperluan isteri yang munasabah dan tidak bercanggah dengan syarak. Apabila suami gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang suami yang baik dan tidak mampu menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada keluarga, maka sudah pasti akan berlaku masalah rumahtangga yang akhirnya akan wujudlah pergolakan dan konflik rumahtangga.

Sebaliknya suami yang soleh ialah suami yang mampu mendidik dan mengajar isteri dan keluarganya dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat seperti ilmu tentang akidah, fekah dan akhlak menerusi ilmu mengenai halal dan haram, ilmu kekeluargaan dan ilmu-ilmu kemasyarakatan. Suami hendaklah mempunyai kefahaman yang luas terhadap urusan agama lebih-lebih lagi urusan yang berkaitan dengan perkara-perkara asas fardhu ain seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya untuk membina sebuah keluarga bahagia.

Suami yang soleh juga hendaklah sentiasa mengawasi dan menghalang kemungkar yang berlaku didalam rumahtangga seperti meninggalkan solat, mendedahkan aurat dan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Syarak. Suami juga hendaklah mengelak daripada menjadi dayus apabila membiarkan isteri mendedahkan aurat di media-media sosial. Malah lebih buruk lagi suami membiarkan isteri berhubungan



dengan kekasih lama dan mengizinkan komunikasi intim dengan lelaki yang bukan mahramnya. Manakala ada juga sesetengah golongan suami memilih untuk berdiam diri dan tidak merasa bersalah membiarkan kemungkaran berlaku di hadapan mata mereka.

Justeru itu, suami sepatutnya memainkan peranan penting sebagai nakhoda dalam rumah tangga. Suamilah yang sepatutnya menentukan hala tuju sesebuah keluarga untuk mendapat keredaan Allah SWT.

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita mengambil pengajaran dan iktibar seperti berikut:

1. Suami hendaklah berpegang kepada akidah yang mantap yang menjadi asas kebahagiaan rumah tangga.
2. Suami hendaklah mempunyai ilmu asas fardu ain seperti ilmu akidah, fekah dan akhlak.
3. Suami hendaklah bertanggungjawab menjaga dan memelihara isteri dan keluarganya daripada terjerumus ke dalam api neraka.
4. Sifat tolong menolong, bekerjasama dan hubungan yang baik merupakan kunci kebahagiaan rumah tangga.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْلَئِكَ سَيِّدُنَاهُمْ

اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ





"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

(al-Taubah : 71).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتٍ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Puaad / Nurul  
15.03.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْتِيهَا الَّذِينَ أَمَنُوا صَلَّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَائِيَّةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ



الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْن وَصَلَاح وَعَافِيَةٍ  
بِمَنِّكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحْهُمَا لِلنُّوَظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga negeri ini menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan kepimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا<sup>١</sup>  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
  
فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمَتِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.